

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLOMBONGAN EMAS DI PAHANG HINGGA 1914.*

oleh:

ZAKARIA AWANG ALI

PERUSAHAAN perlombongan emas telah dijalankan di Malaysia, sejak dari zaman primitif lagi. Pada masa itu Pahang merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang terkenal dengan penghasilan emas. Beberapa kurun yang lalu, di Selinsing, yang terletak berdekatan dengan Sungai Jelai di Pahang, bekas-bekas lombong emas yang dikerjakan oleh orang Melayu maseh jelas kelihatan. Emas yang dilombong di Pahang pada masa itu telah diberi kepada orang-orang Siam sebagai upeti. Sebenarnya emas telah dilombong lebih awal daripada penghijrahan orang Siam ke Pahang. Daripada bukti-bukti kemahiran teknik, menunjukkan alat-alat perlombongan itu telah digunakan oleh penghijrah bangsa Mon di Pahang, sejak tujuh atau lapan abad yang lampau.¹ Di sini terbukti bahawa perlombongan emas di negeri itu mula-mula sekali dijalankan oleh orang-orang Mon.

Kemasyhuran Pahang sebagai pengeluar emas telah diperkatakan oleh beberapa orang penulis. Salah seorang daripadanya ialah seorang ahli sejarah, yang bernama Tun Seri Lanang yang mengatakan :

Shahdan, maka diceterakan oleh orang yang empunya cetera, ada di dalam Negeri Pahang itu sebuah negeri, Pura namanya. Air sungainya tohor. dengan pasirnya terlalu baik, airnya tawar datang ke laut. Dan ada emas urai di sana, dengan padangnya amat luas.²

Pada pendapat saya, kenyataan yang lebih jelas mengenai kekayaan emas di Pahang ialah laporan daripada seorang penulis Portugis, Manoel Golindho de Eredia (lebih kurang tahun 1600), dalam satu report yang bertajuk: 'A Report Upon de Aurie Khersonese, yang berbunyi :

Pan (Pahang) was the second seat of the Malay Empire and situated in the east coast of the Peninsula at three degrees North Latitude, and no less frequented by merchants because of its gold mines, for it possesses the largest and finest in Malay Peninsula, from whence we may presume it was this gold that formed the ancient trade of Alexandria or Cairo, etc. . . . thus the lands of the district and jurisdiction of Pan are all lands of gold as a great quantity is found in rugged passes and steep quarries, which gold is taken to Malacca for sale. So much so that the King of Pan sent as a present from Adea (Endau) a beautiful piece of gold stone two and a half cubits in length, to the Captain and Governor of Malacca, Joao de Silva, who, amazed at the sight of the gold, ordered it to be broken and there we found a vein of gold a yard in width, as is well known to those of that time, it having happened in the year 1586.³

*Makalah ini telah di ambil dari tisis yang bertajuk, "Sejarah Perkembangan Emas Di Raub: Satu Kes Studi Mengenai Sejarah Perkembangan Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub 1892 — 1961", dan telah di sesuaikan untuk di siarkan dalam jurnal ini — Pengarang.

¹A. Gibson, *The Malay Peninsula and Archipelago* J.M. Dent and Sons Ltd., London, 1928, h. 107.

²Tun Seri Lanang, *Sejarah Melayu*, W.G. Shallabear (cetakan ke10) cetera XIII, Malay Publishing House, Ltd., Singapore, 1961, h. 99.

³J.B. Scrivenor, *The Geology and Mining Industries of Ulu Pahang*, Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1911, h. 1.

Daripada petikan diatas terbukti bahawa Pahang adalah kaya dengan emas jika di bandingkan dengan negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Emas yang dihasilkan oleh Pahang telah dijual di Melaka dan Sultan Pahang menggunakan emas sebagai hadiah kepada negeri-negeri lain.

Selain daripada itu banyak lagi sumber lain yang melaporkan berkenaan dengan kekayaan emas dinegeri Pahang.⁴ Namun begitu ada sumber yang menunjukkan bahawa emas telah digunakan di Pahang sejak abad yang ke 14 lagi. Seorang penulis sejarah yang bernama Paul Wheatley, berdasarkan laporan seorang pengembara dan penulis sejarah bangsa China, Wang Ta Yuan namanya, berkenaan dengan Pahang pada tahun 1349, ada menyebut:

Perempuan-perempuan yang kaya memakai beberapa buah gelang emas yang dililit dikepalanya, dan orang kebanyakan pula menghiasi rambut mereka dengan gelang-gelang manik pancawarna,⁵

Disini terbukti bahawa emas banyak dihasilkan oleh Pahang pada masa itu, sehingga ianya dijadikan sebagai barang-barang perhiasan oleh perempuan yang kaya.

Sungguhpun emas telah dilombong di Tanah Melayu sejak beberapa kurun yang lalu, Tanah Melayu tidak mempunyai simpanan emas yang banyak jika dibandingkan dengan bijih timah, bijih besi, boksait dan lain-lain lagi. Longgokan emas pada masa lampau termasuklah longgokan di Selinsing, Buffalo Reef, Kecau, Penjom, Raub dan Sungai Muntan di Pahang; Batu Bersawah dan Sungai Luit di Negeri Sembilan dan Lombong Kedana di Gunung Ledang, Johor. Longgokan emas terutama adalah sezaman dengan longgokan bijih timah yang terjadi daripada batu granait. Kebanyakan emas bertabur disatu kawasan yang terbentang dari Tenggara Thailand, Kelantan, Pahang dan Gunung Ledang di Johor.⁶

Perlombongan emas oleh orang Melayu dan China

Oleh kerana emas banyak didapati di Pahang dalam abad yang ke 16, orang-orang Minangkabau telah berhijrah ke negeri itu. Mereka membuat pertempatan di kawasan-kawasan seperti Triang, Sungai Bera dan di sepanjang Sungai Semantan dan Sungai Bilut.⁷ Dalam tahun 1612, mereka berpindah ke utara ke kawasan Sungai Jelai dan sekitarnya dimana mereka bersama-sama dengan orang Asli mengusahakan perlombongan emas.⁸ Selain daripada orang Minangkabau dan orang Asli, perlombongan emas di Pahang juga, dijalankan oleh orang Melayu. Orang Minangkabau berhijrah ke Pahang kerana mereka tertarik dengan perniagaan dan perlombongan emas. Mereka memasuki negeri itu melalui Ulu Muar, Jelai dan Lipis dan menuruni anak-anak sungai itu hingga ke Luit.

Orang-orang Melayu melombong emas pada masa itu dengan menggunakan teknik melampan atau mendulang. Dulang itu sesuai digunakan di sungai dan di anak sungai

⁴Captain Hamilton melapurkan emas urai pernah dijumpai di Sungai Pahang yang beratnya lima hingga enam aun bagi setan bijih. Beliau juga menceritakan cara-cara orang Melayu melombong emas. Lihat Alexander Hamilton, *A New Account of The East Indies*, dalam J.B. Scrivenor, *Ibid*. Lihat juga *Singapore Chronicle 1830*, yang menyebut bahawa Pahang ialah pengeksport emas yang paling besar ke Singapura. Lihat *Singapore Chronicle 1830*, dalam J.B. Scrivenor, *Ibid* h. 2.

⁵P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Oxford Uni. Press, K. Lumpur 1961, hh. 78-79.

⁶Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, h. 336.

⁷R.G. Cant, *An historical Geography of Pahang*, h. 21.

⁸*Ibid*.

yang tohor airnya. Dengan menggunakan alat itu, bijeh emas, ketul-ketul batu kecil, pasir dan lumpur disodok dan kemudiannya material-material itu diayak di dalam air. Dengan cara ini, bijeh emas itu dapat diasingkan daripada material-material lain. Jadi terbukti bahawa cara melombong emas yang dijalankan oleh orang Melayu sangat simple. Ini berbeza dengan corak perlombongan yang dijalankan oleh orang Eropah yang menggunakan alatan-alatan melombong yang moden. Orang-orang Melayu tidak menggunakan modal dalam mengusahakan perlombongan emas. Selain dari itu mereka bekerja berseendirian dan tidak menggunakan ramai buruh. Pekerjaan itu dianggap sebagai sampingan sahaja, kerana mereka lebih menumpukan kepada pekerjaan menanam padi.

Orang-orang Melayu juga sangat percaya kepada semangat semasa mereka melombong emas. Mereka mempercayai bahawa emas itu mempunyai semangat yang boleh mengubah kedudukan emas di dalam tanah.⁹ Selain daripada itu mereka juga mempercayai bahawa kejayaan satu-satu perlombongan emas itu, tergantung kepada pantang larang. Antara perkara-perkara yang menjadi pantang larang semasa melombong emas ialah kasut, payung dan perbuatan yang tidak baik seperti berjudi dan berkelahi.¹⁰

Timbangan yang digunakan oleh orang Melayu untuk menimbang emas ialah mayam dan bungkal, dimana enam belas mayam bersamaan dengan berat satu bungkal (832 grain). Mengikut sumber yang didapati daripada orang yang tinggal di Ulu Dong, bungkal ialah sejenis alat timbangan yang direka oleh orang China yang dikenali dengan nama bungkal batu. Tetapi selepas matawang perak diperkenalkan di Pahang, alat timbangan itu tidak digunakan lagi. Ukuran timbang yang digunakan selepas itu ialah satu keping duit perak adalah sama dengan berat satu mayam dan dua keping matawang Mexico, atau bungkal tongkat adalah sama dengan berat satu bungkal. Satu bungkal emas dalam tahun 1905, bernilai \$85.00.¹¹

Dalam abad ke16 dan ke17 emas banyak dilombong di Ulu Pahang dan Jelai, yang menjadi pusat pertempatan orang Minangkabau. Ulu Pahang pada masa itu merupakan satu kawasan yang disaliri oleh Sungai Bera, Triang dan Semantan. Manakala Jelai pula merupakan kawasan yang disaliri oleh Sungai Tembeling, Jelai dan Lipis. Kawasan kawasan ini terkenal dengan kemajuannya baik dari segi pertanian dan perlombongan emas.¹²

Pada tahun 1888, perlombongan emas yang telah dijalankan oleh orang Melayu sebahagian besarnya dilakukan di dasar sungai yang tohor airnya. Tetapi mereka tidak membuat sebarang pembukaan kawasan perlombongan yang baru di kawasan hutan. Ini menunjukkan bahawa orang Melayu, maseh lagi melombong emas dengan cara yang tradisional dan simple. Mereka sebaliknya tidak mampu untuk membuka kawasan perlombongan baru di hutan-hutan kerana pekerjaan itu memerlukan alat-alat melombong yang moden. Walau bagaimanapun kawasan yang telah dilombong oleh orang Melayu, pada masa itu telah hampir kepada 1,000 ekar. Ini terbukti bahawa emas merupakan salah satu daripada mata pencarian orang Melayu yang penting.

Selain daripada orang Melayu, orang China juga penting dalam mengusahakan perlombongan emas di Pahang. Sebelum abad yang ke18, orang China tidak ramai yang tinggal di Pahang tetapi selepas itu apabila berita mengenai kekayaan emas di negeri itu

⁹ J.B. Scrivenor, *A Sketch of Malayan Mining*. London Wall, London, 1928, h. 5.

¹⁰ *Ibid.*, h. 5-7.

¹¹ *Ibid.*, h. 11.

¹² R.G. Cant, *op. cit.*, h. 23.

tersebar dengan luas, mereka tertarik untuk berpindah ke situ. Kebanyakan daripada mereka yang berpindah ke situ berasal dari Perak dan Negeri Sembilan. Sebilangan daripada masyarakat China di Pulau, satu daerah yang terletak dipendalaman Negeri Kelantan juga berpindah ke situ.

Terdapat dua cara yang digunakan oleh orang China dalam melombong emas. Cara yang pertama ialah mendulang seperti yang digunakan oleh orang Melayu. Orang China juga menggunakan cara ini dalam perlombongan bijih timah di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Pada pendapat saya cara yang kedua yang digunakan oleh orang China untuk melombong emas adalah sama dengan cara yang digunakannya di Pulau, Kelantan. Mereka melombong emas di anak-anak sungai yang tohor airnya. Terlebih dahulu mereka membersihkan sampah sarap di anak sungai itu bagi membolehkan air mengalir dengan laju dan deras. Air itu kemudiannya akan membersihkan pasir dan tanah liat dan mengasingkannya daripada emas. Selepas itu mereka mengambil emas itu dengan menggunakan tangan. Saya berpendapat demikian kerana pada abad ke-18, mereka berpindah dari Pulau ke Ulu Pahang, yang mana sudah tentu membawa tradisi melombong emas bersama mereka. Selain dari itu orang China juga terlibat dalam perniagaan emas. Oleh kerana emas banyak terdapat di Pahang pada masa itu ramai orang China yang berpindah ke negeri itu. Menjelang campur tangan British di negeri itu terdapat diantara 2,000 hingga 12,000 orang China.¹³

Perlombongan oleh Orang Eropah

Menjelang penubuhan pentadbiran British di Pahang, dalam tahun 1888, Sultan Pahang telah memajakkan beberapa bidang tanah yang luas kepada beberapa sindikit dan orang persaoangan.¹⁴ Kawasan-kawasan yang telah dijadikan lombong emas ialah Serau, Tanum (Fanum), Yong, Kachau, Penjom (Punjom), Cheka, Kermoi Nombor Satu, Kermoi Nombor Dua, Tersang dan Raub.¹⁵ Antara pemajak-pemajak yang terkenal ialah Walter Knaggs di Raub, George Scaife dan dua orang rakannya orang Melayu Singapura yang bernama Haji Arshad dan Mohammad Tahir yang telah memajak kawasan tanah seluas 190 batu persegi di Penjom dan Sungai Dua, Semantan untuk melombong emas.¹⁶

Diantara tahun 1882-1885, kawasan pendalaman di utara Pahang telah diterokai oleh pelombong-pelombong Eropah seperti William Frazer, George Scaife, Walter Knaggs dan William Cameron. Kawasan-Kawasan itu meliputi Sungai-sungai besar seperti Sungai Telom, Jelai, Lipis, Semantan dan cawangannya serta Triang.¹⁷

Oleh kerana pemajak-pemajak itu menguasai kawasan emas yang terlalu luas di Ulu Pahang, kawasan itu tinggal terbiar tanpa diterokai dan diusahakan. Pada masa itu tiada paksaan untuk mengusahakan kawasan itu dalam tempoh tertentu. Pemajak-pemajak yang telah menjalankan perusahaan emas secara besar-besaran ialah di Liang, Sempan, Tras, Ulu Lipis, Raub, Penjom, Kachau dan Kermoi Nombor Dua.¹⁸

Mengenai perlombongan emas yang terdapat di Ulu (Hulu) Pahang, Hugh Clifford, melaporkan pada masa ia sampai di Penjom, ia mendapati di kawasan itu beberapa buah

¹³*Ibid.*, h. 24.

¹⁴J.A. Richardson, *The Geology and Mineral Resources of the Neighbourhood of Raub, Pahang* FMS, Kuala Lumpur, 1939, h. 85.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, D.B.P., Kuala Lumpur, 1972, h. 198.

¹⁷R.G. Cant, *op. cit.*, h. 27.

¹⁸J.A. Richardson, *op. cit.*, h. 85.

syarikat Eropah membuka lombong-lombong emas dan Perak. Beliau mendapati sebuah syarikat Eropah telah menjalankan perusahaan perlombongan emas di situ dan telah dipajakkan oleh Sultan Ahmad kepada George Scaife, Haji Arshad dan Mohammad Tahir sejak bulan April 1885 lagi. Sebuah kawasan yang luas di Jelai telah dipajakkan kepada William Cameron.¹⁹ Ini terbukti, menjelang tahun 1885, bila ramai sekali pelombong-pelombong Eropah dan Asia membuat pajakan di Ulu Pahang.

Perusahaan perlombongan emas yang dijalankan oleh pelombong-pelombong Eropah mendatangkan kesan buruk kepada perusahaan melombong emas yang dijalankan oleh orang Melayu dan China. Mereka terpaksa menghentikan perusahaan itu kerana tidak sanggup bertanding dengan pelombong-pelombong Eropah yang menjalankan perusahaan itu secara besar-besaran.²⁰

Selain daripada itu, akibat daripada konsesi lombong, di Ulu Pahang, telah berlaku perselisihan diantara pelombong British dengan pelombong Melayu dan China. Ini terbukti apabila sebuah syarikat Eropah telah mengambil tanah lombong kepunyaan seorang pembesar Lipis yang bernama Tok Setul.²¹ Selepas itu berlaku kekecuaan dalam menentukan sempadan tanah lombong. Ini termasuklah tanah yang dituntut oleh pelombong Eropah iaitu tanah lombong emas kepunyaan orang Melayu di Gubar dan kawasan sekitarnya yang terletak tidak jauh dari Cheneras. Kawasan itu dipunyai oleh Orang Kaya Haji Wan Daud, sepupu Tok Raja.²²

Sebuah syarikat British yang telah menjalankan perusahaan perlombongan di Jelai (Jalis), telah mengusir pelombong-pelombong China dengan membayar ganti rugi sebanyak \$700.00 sahaja. Peristiwa itu mendatangkan ketidak-puasan hati dikalangan orang-orang China, Tok Raja dan pembesar-pembesar lain. Bila Clifford sampai di Penjom, beliau diberitahu bahawa Kapitan China di Lipis dan pemodal-pemodal kecil China telah membelanjakan wang sebanyak \$30,000, untuk mengusahakan kawasan itu. Tetapi wang yang dibelanjakan itu hilang begitu sahaja kerana kawasan itu diambil dengan sewenang-sewenangnyanya oleh syarikat Eropah. Justru kerana itu beratus-ratus orang China kehilangan pekerjaan melombong emas. Orang-orang Melayu juga menderita kerana tanah perlombongan mereka telah diambil oleh syarikat Eropah, tanpa bayaran wang ganti rugi. Pernah Orang Kaya Lipis membantah tindakan merampas yang dijalankan oleh mereka, tetapi seorang penulung Eropah di syarikat itu mencabut pistol dan mengancam akan menembaknya.²³

Orang-orang China yang kehilangan pekerjaan sangat marahkan pelombong-pelombong British. Satu peristiwa genting berlaku dimana beratus-ratus orang pelombong China yang kehilangan pekerjaan itu, telah bersiap sedia untuk menyerang bangunan syarikat Eropah di Penjom. Tetapi serangan itu terpaksa dibatalkan kerana dilarang oleh Orang Kaya Lipis.²⁴ Walau bagaimanapun, perselisihan itu berakhir apabila James Stuart, pengurus lombong Jelai berjanji akan mengambil semula buruh-buruh China itu untuk bekerja di lombong itu, dengan bayaran upah yang tinggi. Dalam hal itu H. Clifford menggesa supaya membenarkan orang-orang China menyambung semula pekerjaan melombong

¹⁹Haji Buyong Adil, *op. cit.*, h. 218. Juga lihat, Hugh Clifford, *Journal of Mission to Pahang*. C.O. Record Series, no. 274, vol. 144.

²⁰R.G. Cant, *op. cit.*, h. 12.

²¹Haji Buyong Adil, *op. cit.*, h. 212.

²²W. Linehan, *op. cit.*, h. 109.

²³*Ibid.*

²⁴Haji Buyong Adil, *op. cit.*, h. 212.

emas yang dijalankan oleh mereka sebelum kedatangan pemajak-pemajak Eropah di Ulu Pahang dengan syarat membayar semula cukai sebanyak sepuluh peratus kepada syarikat itu sebagaimana yang pernah dibayar kepada Sultan dahulu.

Cara perlombongan yang dijalankan oleh orang Eropah adalah berbeda dengan cara perlombongan yang dijalankan oleh orang Melayu dan China. Mereka menggunakan minima tenaga buruh tetapi maksima alatan melombong yang moden. Selain daripada itu mereka menggunakan modal yang besar dalam perusahaan itu. Pada masa itu sebahagian besar daripada pelombong-pelombong itu menggunakan teknik lombong dedah dalam perusahaan itu.

J.P. Rodger, yang menjadi residen pertama British di Pahang, telah membentuk undang-undang bagi melicinkan jentera pentadbiran British di negeri itu. Diantara pembaharuan-pembaharuan yang telah dijalankan dalam tahun 1889 ialah peraturan atau regulasi lombong. Ada setengah peraturan tidak popular dikalangan spekulator dan pelombong Eropah tetapi peraturan itu telah memberikan masa yang panjang kepada pelombong-pelombong yang betul-betul berminat untuk menjalankan perusahaan itu dengan serius. Kesan yang jelas daripada peraturan lombong itu ialah lombong itu tinggal kekal didalam pegangan konsesi tertentu dan menolak pemajak-pemajak yang tidak mematuhi dan memenuhi syarat melombong di negeri itu.²⁵ Pada masa itu syarikat-syarikat perlombongan Eropah menjalankan dasar eksploitasi dalam perusahaan itu di Pahang. Ekoran daripada dasar itu, kebanyakan pemodal-pemodal China yang melaburkan modal dalam perusahaan melombong emas di Pahang telah beralih ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia untuk menjalankan eksploitasi dalam perusahaan bijeh timah di sana. Walau bagaimana pun maseh ramai lagi pelombong-pelombong China yang tinggal di Pahang dan bekerja dilombong-lombong yang dipunyai oleh orang Eropah.

Menjelang tahun 1888, perusahaan emas dijalankan dengan pesatnya di Ulu Pahang. Kawasan-kawasan kecil yang terdapat emas lanar dikerjakan dengan seluas-luasnya. Kawasan yang banyak terdapat telerang emas ialah Raub, Penjom, Kachau dan Selinsing. Dalam tahun itu juga, Syarikat Penjom dan Sungai Dua Semantan, dan The Malay Peninsula (Pahang) Prospecting Company di Selinsing itu mendapat bekalan alat pemecah dan mengambil pekerja China melalui ejennya di Singapura.²⁶

Beberapa tahun selepas itu, terdapat rekod yang menunjukkan bahawa hanya terdapat tiga buah syarikat Eropah yang terlibat di dalam perusahaan melombong emas dengan serius di Pahang. Diantaranya ialah tiga buah syarikat yang melombong emas di Raub, Penjom dan Selinsing. Dalam tahun itu juga terdapat sebanyak dua puluh konsessi yang dibatalkan kerana ianya tidak menjalankan perusahaan itu. Kebanyakan konsessi lain dipunyai oleh pelombong-pelombong bangsa Eropah.²⁷

Disekitar tahun 1880an dan 1890an perlombongan yang dijalankan oleh pelombong-pelombong Eropah maseh belum lagi menunjukkan kemajuan yang memuaskan, dan lebih tepat lagi jika dikatakan perlombongan itu maseh berada di dalam peringkat percubaan dan 'survival of the fittest'. Pelombong-pelombong menghadapi berbagai-bagai masalah dalam usaha-usaha perlombongan. Masalah yang besar sekali ialah ketiadaan jalan perhubungan moden seperti jalan raya dan keretapi. Jalan perhubungan amatlah penting kerana kawasan itu letaknya terpencil di Ulu Pahang. Jalan perhubungan yang di gunakan

²⁵ R.G. Cant, *op.cit.*, h. 43.

²⁶ *Ibid.*, h. 38.

²⁷ *Ibid.*, h. 46.

ialah jalan denai hutan dan jalan sungai. Jalan sungai yang digunakan ialah Sungai Pahang dan Jalan Penarikan. Jalan Penarikan ialah jalan sungai yang menghubungkan Sungai Pahang di Pantai Timur dan Sungai Muar di Pantai Barat.²⁸ Jalan darat yang digunakan pada masa itu ialah jalan darat yang menghubungkan Ulu Lipis dengan Ulu Slim, Tras dengan Kuala Kubu, dan Ulu Semantan dengan Ulu Kelang. Kesukaran jalan perhubungan ini menyebabkan kos pengangkutan amat tinggi. Syarikat Perlombongan Penjom yang membawa alatan dan barang-barang yang digunakan untuk melombong bijih dari Singapura terpaksa melalui Sungai Pahang. Selain dari itu kos untuk membawa perak sebanyak 1,000 keping ialah \$250.00, jika melalui Selangor dan kawasan pergunungan di Ulu Pahang.²⁹ Kesukaran jalan perhubungan juga telah menyebabkan banyak daripada mesin-mesin yang digunakan di lombong Selinsing yang dibawa melalui Sungai Pahang, Sungai Jelai hingga ke Kuala Medang, memakan masa selama berbulan-bulan untuk sampai ke tempat itu. Kesukaran-kesukaran dalam pengangkutan di atas merupakan faktor penghalang yang besar ke atas kemajuan perlombongan di Ulu Pahang.³⁰

Masalah yang lain ialah kesukaran untuk mendapatkan buruh China dan Melayu yang mahir di dalam menjalankan kerja-kerja melombong emas yang baru diperkenalkan oleh pelombong-pelombong Eropah. Buruh-buruh terpaksa dilatih beberapa lama bagi menyesuaikan mereka corak perlombongan itu. Selain dari itu terdapat juga masalah serangan penyakit demam malaria.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa pada peringkat ini syarikat-syarikat yang menjalankan perusahaan perlombongan emas di Ulu Pahang belum lagi mencapai kemajuan yang memuaskan. Mereka menghadapi masalah-masalah perhubungan, pengangkutan, buruh, penyakit demam malaria dan sebagainya. Perusahaan perlombongan emas yang betul-betul berjaya ialah *Raub Australian Gold Mine Co. Ltd.* (syarikat Perlombongan Emas Australia Raub) yang menjalankan aktiviti perlombongan di Raub selepas tahun 1890.

Penubuhan dan Perkembangan Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub — Peringkat Awal 1892-1914.

Raub merupakan salah sebuah daripada enam buah daerah yang terdapat di Pahang. Daerah Raub mempunyai tujuh buah mukim semuanya. Mukim-mukim itu ialah Batu Talam, Sega, Semantan Ulu, Dong, Ulu Dong, Gali dan Tras. Ianya terletak disebelah barat Negeri Pahang.

Daerah itu telah menjadi pusat perlombongan emas, sejak beberapa kurun yang lampau. Perkataan "raub", dalam bahasa Malaysia bermakna genggam. Menurut sejarah, pusat perlombongan itu dinamakan Raub, selepas pelombong-pelombong menjumpai seraub emas pada setiap dulang pasir. Kawasan ini juga dikenali dengan nama Pahang Gold Belt. Ianya meliputi kawasan perlombongan yang terdapat di Raub dan mempunyai keluasan 14,000 batu persegi. Kawasan Pahang Gold Belt ini juga terletak di selatan Raub dan menganjur ke utara hingga ke sempadan Negeri Kelantan. Menurut Sir Hugh Clifford, dalam satu ucapannya mengenai Raub, mengatakan :

Here, hidden away under the shade of primeval forest are excavations which must have yielded in the time tons of the precious metal, and if Josephus spoke truly

²⁸ Untuk penjelasan lanjut sila lihat, R.G. Cant, *ibid.*, h. 22 P. Wheatley, Penarikan dalam *Journal of The South Seas Society* Vol. X, Pt. I, 1954, hh. 31-33.

²⁹ R.G. Cant, *op. cit.*, h. 30.

³⁰ *ibid.*, Juga lihat, C.G. Warnford-Lock, *Mining in Malaya for Gold and Tin*, London, 1907, h. 74.

and did not, as it is more probable, merely hazard a bold conjecture here perhaps are to be found in the heart of the *Chersonesus Area* the mine of Solomon the King. Of the race that worked them, of slave that toiled and suffered and died therein, we to-day possess no clue.....Here the land of buried story, of hidden records, of forgotten romance.³¹

Sebelum Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub, menjalankan aktibiti perlombongan emas dengan secara besar-besaran di Raub, orang-orang Melayu terlebih dahulu menjalankan perusahaan melombong emas disatu tempat yang bernama Raub Hole. Oleh kerana hasil yang kurang memuaskan, mereka kemudiannya meninggalkan lombong tersebut. Semasa syarikat itu menjalankan perusahaan perlombongannya di Raub, di Raub Hole maseh lagi kelihatan bekas-bekas galian yang telah dijalankan oleh orang Melayu. Orang-orang Melayu dikatakan menggali dan mengambil emas daripada dasarnya yang dipenuhi air.³²

Bermacam-macam kepercayaan yang terdapat mengenai lombong itu. Ramai orang Melayu mengatakan pada suatu masa terdapat seekor kijang emas yang dipercayai mempunyai semangat emas di situ. Seorang ahli sejarah dan pakar geologi bernama J.B. Scrivenor tidak mempercayai cerita tersebut. Beliau mendapati cerita yang sama, dimana beberapa tahun yang lalu, seorang pengurus telah menggali bijeh timah dan menjumpai sebuah perahu yang diperbuat dari emas pada zaman purba. Tetapi perahu emas itu tidak terdapat di '*Treasure Trove Enactment*'. Justru kerana itu beliau menganggap cerita itu sebagai dongengan sahaja.³³

Penubuhan Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub.

Cerita mengenai pembukaan lombong emas oleh orang-orang Australia Raub ini sangat menarik hati. Sebelum pelombong-pelombong bangsa Australia menjalankan perusahaan perlombongan di Raub, Sultan Ahmad, iaitu Sultan Pahang pada masa itu, telah membenarkan Raja Impi membuka konsessi di situ. Tetapi selepas perlombongan itu tidak berjalan dengan *efesyen* dan Raja Impi tidak dapat membayar cukai, Sultan Pahang tidak mengizinkan lagi baginda meneruskan perusahaan perlombongan di situ. Sultan Pahang kemudiannya memberi kebenaran kepada Syed Mohammad Al Sagoff, yang berasal dari Singapura dan merupakan salah seorang saudagar yang kaya pada masa itu, menjalankan perusahaan perlombongan di Raub. Raja Impi tidak berpuas hati dan bersama-sama dengan pengikutnya beliau memerangi Syed Mohammad Al Sagoff. Sultan Pahang bertindak segera dan menghantar pengikut-pengikutnya yang seramai 20 orang untuk memerangi dan menghalau Raja Impi dari bumi Pahang.³⁴

Selepas itu, salah seorang daripada pengikut Syed Mohammad, pergi ke Borneo dan berjumpa dengan salah seorang pencari emas bangsa Australia yang bernama Sefton. Sefton yang telah mendengar berbagai cerita mengenai kekayaan emas di Raub telah pergi ke Singapura dan kemudiannya meminta kebenaran dari Sultan Pahang untuk menjalankan perusahaan perlombongan emas di situ. Selepas melawat Raub, Sefton pulang ke Australia dan menubuhkan sebuah sindikit. Sindikit itu kemudiannya bersetuju untuk membeli kawasan itu, seluas 20 batu persegi. Sindikit itu merupakan sebuah sindikit

³¹ S. Durai Raja Singam, *Malayan Place Names*, Kuala Lumpur, 1962, h. 201.

³² J.B. Scrivenor, *A Sketch of Malayan Mining*, London Wall, London, 1928, h. 1.

³³ *Ibid.*, h. 11.

³⁴ J.A. Richardson, *The Geology and Mineral Resources of the Neighbourhood of Raub, Pahang*, Kuala Lumpur, 1939, h. 85.

yang mempunyai modal yang besar dan ianya mempunyai saham yang berjumlah satu juta paun, dan tiap-tiap satu saham berharga satu paun.³⁵ Melalui surat pekeliling yang diedarkan kepada pemegang saham membuktikan sindikit itu telah didaftarkan pada bulan November 1889 di Queensland, Australia. Sindikit ini pada mulanya dikenali dengan nama Raub Australian Syndicate Limited, kemudiannya pada tahun 1892, nama syarikat ini bertukar kepada Raub Australian Gold Mine Company Limited (Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub). Oleh kerana syarikat ini merupakan sebuah syarikat yang besar ianya mempunyai sistem pentadbiran yang teratur.

William Bibby yang dilantik sebagai pengurus besar yang pertama telah sampai di Raub, pada bulan September 1889. Dari Australia beliau membawa alat-alat pelebur bijih, jentera pam dan sepuluh buah batteri penghancur. Alat-alat ini telah sampai di Pekan, Bandar Diraja Negeri Pahang dan dibawa ke Raub melalui Sungai Pahang, Semantan dan Bilut.³⁶

Sebelum tahun 1895, mengikut laporan Syarikat Perlombongan Emas Raub, sistem pengangkutan yang digunakan ialah kereta lembu. Jalan perhubungan yang digunakan ialah denai-denai hutan. Denai ialah jalan hutan. Pada masa hujan denai ini akan menjadi becak dan berlumpur. Lebar jalan denai ini biasanya dua atau tiga kaki sahaja dan boleh dilalui oleh orang yang berjalan kaki dan bekereta lembu. Dalam tahun 1895 sebatang jalan kereta api yang pendek telah dibena bagi menggantikan jalan denai yang dilalui oleh kereta lembu. Dalam tahun berikutnya mesin penghancur lombong itu telah bertambah menjadi seratus buah yang menggunakan kuasa letrik. Laporan Syarikat Perlombongan Emas Australia menunjukkan, perkembangan dan kemajuannya menyebabkan bandar Raub telah berkembang dengan pesatnya.³⁷

Apabila William Bibby sampai dilombong Raub, beliau mendapati betapa sukarnya untuk membawa bijih-bijih emas keluar daripada kawasan itu untuk diekspot disebabkan oleh sistem pengangkutan yang buruk. Justru kerana itu beliau mencadangkan supaya diadakan perubahan pengangkutan seperti membina jalan raya sejauh tiga batu melalui paya-paya dan hutan-hutan untuk memperbaiki sistem pengangkutan disitu.³⁸

Selepas ujudnya jentera pentadbiran British di Pahang, konsessi Liang, Sempam, Tras, Ulu Lipis, Penjom, Kacau, Kermoi Nombor dua telah dihapuskan. Mengiiut arahan yang telah dibuat, kawasan Ulu Pahang hanya boleh dibuka oleh syarikat yang betul-betul kaya dan bermodal besar. Dalam hal yang demikian Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub sahaja yang tinggal menjalankan perlombongan di Raub.

Pada peringkat awal keadaan kawasan perlombongan emas di Raub sangatlah buruk. Satu kenyataan yang sangat penting yang dibuat oleh William Bibby iaitu pengurus besarnya yang pertama telah menyebut didalam risalahnya :

³⁵ *Ibid.* h. 89.

³⁶ J.A. Richardson, *op. cit.*, h. 93.

³⁷ S. Adikulasamy, *Summary of Inventory of Records of Raub Australian Gold Mine Co., Ltd.*, Selangor, 1973, h. 3.

³⁸ *Ibid.*, h. 3-4.

Kalaulah saya tidak membawa orang-orang saya dibawah perjanjian saya dengan syarikat, lebeh baik saya pulang ke Australia apabila terpendang buat pertama kali keadaan di Raub.³⁹

Ini adalah tanggapan awal yang dibuat oleh Bibby dan beliau kurang senang mendengar berbagai cerita mengenai kekayaan yang begitu hebat sekali di Raub. Beliau memberi tahu kesukaran yang akan ditempohi ialah untuk mendapatkan tempat yang betul-betul selamat untuk menyimpan emas. Justru kerana itu beliau terpaksa membuat satu repot. Mengikutnya:

Saya tidak mengetahui dimanakah saya boleh mendapatkan satu tan bijih yang mengandungi emas yang akan dapat membayar kembali kos memecahkan batu dilombong ini.⁴⁰

Berdasarkan laporan diatas adalah jelas menunjukkan bahawa pada peringkat awal lombong emas itu tidak menunjukkan tanda-tanda yang memuaskan sebagai satu kawasan perlombongan emas yang betul-betul boleh mencapai kemajuan pada masa yang akan datang.

Perlombongan emas yang mula-mula sekali dijalankan di Raub ialah di Raub Hole yang digenangi air. Kawasan ini telah ditinggalkan beberapa tahun oleh Raja Impi yang gagal membuat kerja-kerja perlombongan disitu. Kerja-kerja perlombongan yang dijalankan di Raub Hole tidak mendatangkan hasil yang begitu memuaskan. Kerja perlombongan seterusnya dijalankan di Western Lode dan mendatangkan hasil yang agak memuaskan jika dibandingkan dengan masa-masa yang telah lalu. Pada tahun 1893 lombong tersebut telah menunjukkan satu kejayaan yang amat cemerlang kerana pelombong-pelombong telah menjumpai telerang emas yang bercampur dengan batu di Raub Hole yang menganjur daripada utara ke selatan. Disitu didapati bijih yang mengandungi lima hingga enam aun emas pada tiap-tiap satu tan bijih.

Berikutan dengan terjumpanya batu yang mengandungi emas di Raub Hole, pada tahun berikutnya pula lombong di Bukit Koman dibuka. Pembukaan lombong itu mendatangkan inspirasi yang baik kerana lombong itu telah dapat mengeluarkan ketul-ketul batu emas yang lebeh banyak.

Dalam artikel yang dicetak oleh *Free Press* beberapa detail telah diterangkan mengenai kerja-kerja di Western Lode. Dalam petikan dimuka surat enam ada menyatakan bahawa:

Dua jenis bijih yang bercampur iaitu "brown of sileses ore" di Bukit Koman dan "grey steaky brown quartz" di-Raub Hole di jumpai.⁴¹

dalam perenggan yang ketujuh pula dikatakan:

Di Raub Hole sebuah syaf telah digali sedalam enam puluh kaki.⁴²

Dan selanjutnya menurut artikel *Free Press* di muka surat tujuh ada menyebut bahawa

³⁹ J.B. Scrivenor, *The Geology and Mining Industries of Hulu Pahang*. Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1911, h. 14.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*, h. 15.

⁴² *Ibid.*

lebih kurang satu batu dari Raub; terletak Stope Mine. Menurut laporan peribumi di situ, tempat itu adalah kaya dengan emas dan orang-orang Melayu telah menjalankan aktibiti perlombongan emas sejak beberapa tahun yang lalu. Di lombong itu, pelombong-pelombong telah menjumpai satu banjaran ketul-ketul emas yang lebarnya enam belas kaki dan melintang daripada utara ke selatan. Emas yang dijumpai di situ ditaksirkan berjumlah satu hingga dua setengah aun pada tiap-tiap satu tan bijeh. Panjang barisan lanar lebih kurang seratus ela dan kesan daripada penjumpaan itu amatlah menakjubkan.

Lombong Raub terletak di satu lembah yang sempit yang menganjur dari utara ke selatan. Di baratnya terletak kaki bukit banjaran Gunung Besar, di timurnya terdapat beberapa buah bukit kecil yang terdiri dari batu hampar dan batu pasir. Di dalam lembah itu terdapat juga beberapa buah bukit kecil yang terasing dan terbentuk dari 'sil kalkeria' di Raub Series. Beberapa telerang emas telah dijumpai di bukit tersebut. Selain daripada itu, beberapa telerang emas juga dijumpai di bukit-bukit yang terdapat sebelah timur lembah itu. Lombong Raub Hole dan Stope dibuka di lembah itu. Di selatan lombong-lombong itu, Bandar Raub didirikan. Berhampiran dengan Bandar Raub, iaitu di sebelah timurnya terletak Lombong Raub Selatan.

Di utara Bandar Raub terletak Eastern Lode Mine. Di dalam pelan yang terdapat di pejabat lombong menunjukkan sebuah syaf di lombong ini telah digali sedalam 150 kaki, tetapi sedikit sahaja bijeh emas yang dihasilkan. Bertentangan dengan Eastern Lode Mine terletak Western Lode Mine. Walau bagaimanapun dalam tahun 1894, lombong itu telah ditutup.

Raub Hole Mine terletak di pusat lembah yang tidak berapa jauh daripada Western Lode dan Old Raub Mine. Percubaan selanjutnya telah dibuat bagi mendapatkan lebih banyak emas di Old Raub Mine tetapi gagal. Bukit Hitam Mine terletak di utara Raub Hole Mine. Di sebelah utara lagi terletak Anderson Mine dan Bukit Koman Mine. Pada masa itu kawasan itu telah dimajukan. Lombong yang terletak di utara sekali ialah Lombong Bukit Jelai (Jellis). Lombong itu telah digali sedalam 350 kaki dan mengeluarkan sebanyak 12 penny-weight pada tiap-tiap satu tan bijeh.

Selepas tahun 1894, Seksi Bukit Malacca dibuka. Perlombongan di bawah tanah hanya sedikit dijalankan. Kebanyakan perusahaan perlombongan dijalankan di permukaan bumi dengan cara yang ektensif. Akhirnya lebih kurang tiga batu dari Bandar Raub, terletak Sungai Argas (Agas) yang mengakiri (sic) lombong-lombong di Raub.

W.H. Martin menunjukkan bahawa banyak bijeh yang mengandungi emas di Sungai Argas dan emas dibuktikan berasal daripada batu ignias dari siri gunung berapi Pahang. Bentuk utama batu bijeh di situ adalah sama dengan batu yang didapati di lombong yang telah ditutup seperti Raub Hole, Eastern Lode, dan Bukit Jelai. Mengikut laporan dari seorang pakar geologi yang bernama C.G. Warnford-Lock:

Bijeh-bijeh yang terdapat di situ tidak sama jenis dan bentuk dari segi panjang dan lebarnya. Biasanya batu-batu yang mengandungi bijeh itu mempunyai tendensi untuk bercabang ke bawah dan menonjol keluar.⁴³

Laporan tahunan syarikat itu dalam tahun 1900, menunjukkan sebahagian daripada konsesinya telah berkembang hingga kepada syarikat tambahan. Syarikat tambahan yang menjalankan perusahaan emas ialah Syarikat Raub di Sungai Argas (Agas), Malaya

⁴³*Ibid.*, h. 16.

Company di Bukit Malacca, The Eastern Lode Raub Syndicate and Queensland Raub Company. Pada tahun 1901, Queensland Raub Company telah mengeluarkan 200 tan bijeh. Tetapi syarikat ini ditutup pada tahun yang berikutnya.

Malaya Company telah menjalankan perusahaan perlombongannya di Bukit Malacca dan telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan beberapa tahun yang berikutnya. Pengeluaran syarikat ini yang tertinggi sekali ialah dalam tahun 1904 yang berjumlah 3,069 aun troy, manakala pengeluaran yang terendah ialah dalam tahun 1905 yang berjumlah 826 aun troy sahaja.⁴⁴ Memandangkan kepada hasilnya yang kurang memuaskan, syarikat ini telah ditutup pada tahun yang berikutnya.

Sebahagian daripada bijeh yang dikeluarkan oleh Lombong Raub dihasilkan daripada perlombongan di permukaan bumi yang tohor atau lombong dedah. Bijeh emas yang didapati di situ bercampur pasir. Perlombongan juga dijalankan di sungai yang terdapat di situ. Persoalan yang timbul ialah sama ada emas yang terkandung dalam pasir itu telah menurun daripada konsessi itu ataupun daripada sumber yang lain. Dalam usaha untuk mengetahuinya beberapa contoh emas yang dihasilkan daripada Lombong Anderson Nombor Satu dan Nombor Dua, Bukit Koman North telah dipereksa dengan halus dan teliti. Selepas itu adalah dipercayai bahawa emas yang terdapat di Raub berasal dari batu gunung berapi Pahang iaitu Gunung Benom.⁴⁵

Sehingga tahun 1914, banyak lombong-lombong telah dibuka dan ditutup. Lombong-lombong yang telah ditutup ialah Lombong Stope, Old Raub Hole, Eastern Lode, Western Lode dan Bukit Hitam. Lombong-lombong yang maseh dibuka ialah Lombong Bukit Koman dan Anderson. Pada masa itu terdapat dua corak perlombongan yang dijalankan oleh syarikat ini. Corak yang pertama ialah perlombongan dipermukaan bumi atau lombong dedah. Pelombongan corak ini ialah dengan menggunakan saloran pemancut air dan palong. Dengan menggunakan pemancut air yang kuat, tanah-tanah yang bercampur bijeh di pinggir bukit dipancut. Tanah-tanah itu akan jatuh kedalam palong. Di dalam palong dibuat beberapa sekatan dan bijeh yang bercampur batu, air dan tanah itu terpisah oleh sekatan-sekatan itu. Menurut J.B. Scrivenor lombong dedah ialah:

An excavation, for the purpose of extracting ore, open to the heavens, with side theoretically at an angle of safety compared with the angle of rest of the material composing the said sides. If no breeze blowing, very hot, and conducive to heat-apoplexy.⁴⁶

Corak perlombongan yang kedua ialah perlombongan bawah tanah atau syaf. Cara yang digunakan untuk menjalankan perlombongan corak ini ialah pelombong-pelombong pada awalnya menentukan kawasan yang mengandungi bijeh emas di dalam bumi dengan menggunakan alat penggali atau 'boring'. Setelah diselidiki dan didapati kawasan itu mempunyai kandungan emas yang banyak, sebuah lobang besar atau shaf utama digali. Ke dalam shaf itu dimasukkan sebuah 'winch', sejenis alat yang seakan-akan lift. Winch ini digunakan bagi memuatkan pekerja-pekerja lombong, bijeh, kayu balak dan sebagainya untuk dinaik atau diturunkan ke dalam shaf.

⁴⁴ J.A. Richardson, *op. cit.*, h. 96.

⁴⁵ FMS., *Annual Report 1933*, Government Printing Office, 1933, h. 10.

⁴⁶ J.B. Scrivenor, *A Sketch of Malayan Mining*, h. 74.

Biasanya selepas syaf itu ditebuk sedalam seratus kaki, terowongan-terowongan atau level ditebuk di tempat-tempat yang mengandungi bijeh. Terowongan itu ditebuk dalam keadaan mendatar. Lebarnya ialah empat kaki dan tingginya ialah enam kaki. Belahan kayu balak digunakan untuk menongkat terowongan itu daripada runtuh. Bijeh-bijeh yang telah dipecahkan itu dimasukkan ke dalam loko kecil yang boleh dijalankan di atas ril (rail). Kemudian loko itu ditolak ke muka shaf utama. Loko itu dinaikkan dengan menggunakan winch yang kemudiannya diletakkan ke atas satu ril yang lain dipermukaan bumi untuk dibawa ke kilang.

Hampir semua kerja-kerja perlombongan di bawah tanah dijalankan oleh buruh-buruh China dibawah sistem kontrek. Biasanya di dalam setiap terowongan dilantik seorang 'kepala' atau ketua kumpulan pekerja untuk mengawasi pekerja-pekerja di dalam terowongan itu.

Pada peringkat awal syarikat ini menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh yang mahir. Untuk mengatasi masalah itu syarikat ini telah mengambil dan melatih buruh-buruh China sebagai pekerjanya. Walau bagaimanapun cara dan organisasi yang dijalankan adalah berbeza dengan cara perlombongan yang dijalankan oleh pelombong-pelombong China. Corak perlombongan yang dijalankan oleh orang Eropah⁴⁷ bukan sahaja perlombongan di permukaan bumi tetapi juga perlombongan di bawah tanah.⁴⁸ Secara perbandingannya orang China menggunakan maksima tenaga buruh tetapi minima alat jentera lombong. Orang Eropah menggunakan alatan melombong yang moden seperti mesen pam, jentera penghancur, alat pelebur dan sebagainya. Perlombongan yang dijalankan oleh orang Eropah dijalankan oleh syarikat awam yang mana sanggup menyediakan kaki tangan yang mahir, seperti penyelia dan jurutera Eropah. Perlombongan Eropah bercorak perlombongan jangka panjang. Perbelanjaan yang besar mestilah disediakan dahulu sebelum sesebuah lombong lode di buka dan jarang-jarang sekali operasi dapat diubah sekiranya lombong itu tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Ini adalah berbeza dengan perlombongan yang dijalankan oleh orang China yang lebih flexible dan lebih mementingkan pengeluaran jangka pendek.

Sehingga tahun 1895, syarikat itu telah menjalankan perusahaan perlombongan dengan sepenuhnya. Pada peringkat ini terdapat banyak halangan kerana kedudukan lombong itu terpencil dan kos pengangkutan yang tinggi. Pulangan daripada bahan galian yang dilombong pada peringkat ini adalah kecil berbanding dengan perbelanjaan yang dikeluarkan. Selepas tahun 1895 dengan pembinaan Pahang Trunk Road yang melalui Kuala Lipis ke kawasan lombong emas itu, ianya tidak berada di dalam keadaan yang terpencil lagi. Masalah pengangkutan juga dapat di atasi dengan pembenaan jalan. Dari segi jangka panjang pembinaan jalan ini menyebabkan pelombong-pelombong Eropah lebih merasa konfiden lagi untuk meneruskan perusahaan itu.⁴⁹

Beberapa tahun yang berikutnya syarikat itu telah mengusahakan empat perlombongan bawah tanah dengan menggunakan 870 orang buruh dan dua set alat pemecah dan peralatan kilang yang dijalankan oleh kuasa elektrik. Lombong tersebut telah berjaya menghasilkan 70,000 tan bijeh dan menghasilkan sebanyak 15,000 aun emas. Bagi melicinkan perlombongan di bawah tanah kerja-kerja melombong dijalankan di bawah sistem kontrek. Tiap-tiap kontraktor bertanggung jawab dalam mengambil pekerja-

⁴⁷Orang Eropah di sini termasuk juga orang Australia.

⁴⁸R.G. Cant, 'An Historical Geography of Pahang,' *Monographs of Malaysian Branch Royal Asiatic Society*. Monograph No. IV, 1973, Singapore, 11973, h. 52.

⁴⁹*Ibid.*, h. 52.

pekerja baru dan menyediakan tempat kediaman mereka. Cara ini akan dapat mengurangkan masalah syarikat dalam melatih dan mengerjakan buruh China yang ber-cakap dalam berbagai dailek.⁵⁰

Salah satu daripada faktor penting yang menjayakan syarikat itu ialah dengan terbina-nya Stesen Janakuasa Letrik Sempam yang terletak di tebing Sungai Sempam. Tenaga elektrik itu disalurkan ke syarikat itu melalui hutan sejauh lapan setengah batu. Kuasa elektrik ini bukan sahaja dapat menjalankan jentera-jentera lombong tetapi juga dapat menerangi shaf dan rumah-rumah.⁵¹ Beberapa tahun selepas itu, setesen itu telah menghasilkan sebanyak 5,000 volt tenaga letrik dan semuanya digunakan oleh syarikat itu.⁵²

Pada tahun 1896, syarikat itu telah menggunakan tiga jenis alat melombong dan alat penghancur letrik yang baru. Lima tahun berikutnya terdapat enam puluh buah alat penghancur di Bukit Koman dan Stesen Sempam. Walau bagaimanapun pengeluaran emas tidak bertambah pada masa itu. Dalam tahun 1905, hanya Syarikat Perlombongan Emas Australia sahaja yang maseh tinggal menjalankan aktibiti perlombongannya di Raub kerana kebanyakan daripada syarikat lain telah ditutup.

Selain daripada Syarikat Perlombongan Emas Raub, terdapat beberapa buah syarikat lain yang menjalankan perusahaan perlombongan di Ulu Pahang. Salah sebuah daripadanya ialah The Pahang Exploration Company Limited yang menjalankan perusahaan perlombongan emas di Selinsing. Dalam jangka masa diantara tahun 1889-1901, jumlah pengeluaran yang dilaporkan ialah 30,000 paun. Pada tahun yang berikutnya syarikat itu telah mengeluarkan sebanyak 3,535 aun troy. Memandangkan kepada penghasilannya yang rendah, Lombong Selinsing ini kemudiannya dipindah milek kepada The Pahang Mining Syndicate Limited. Tidak lama kemudiannya syarikat itu ditutup.⁵³ Walau bagaimanapun tidak ada satu data yang dapat dipercayai mengenai pengeluaran syarikat itu. Melalui data yang didapati menunjukkan bahawa syarikat itu telah gagal. Pengurusan yang tidak betul dan kesan cukai yang tinggi menyebabkan syarikat itu berada di dalam keadaan yang kritikal dan membawa kepada kegagalannya. Adalah sukar untuk menentukan samaada telerang emas yang terdapat di kawasan itu tidak cukup banyak bagi mengizinkan eksploitasi dalam sekil yang lebih besar seperti yang telah dijalankan oleh Syarikat Perlombongan Emas Australia.

Dalam beberapa perkara mungkin syarikat itu menemui kegagalan jika tidak disebabkan oleh program elektriknya yang berjalan dengan lancar di Sempam. Mungkin juga kemajuan syarikat ini disebabkan oleh bantuan dari Kerajaan Pahang dari segi perbaikan sistem perhubungan dan pengurangan bayaran cukai buat sementara waktu. Faktor-faktor ini telah menggalakkan syarikat itu meneruskan perusahaan perlombongannya di Raub.⁵⁴ Jadi faktor yang penting yang menyebabkan kejayaan syarikat ini ialah kejayaan program elektriknya di Sempam, perbaikan sistem perhubungan dan pengurangan bayaran cukai buat sementara waktu oleh Kerajaan Pahang.

Beberapa tahun selepas pembukaan syarikat itu, ianya dapat menghasilkan bijeh dengan banyaknya. Bijeh-bijeh itu dikeluarkan dari lombong-lombong yang terdapat

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ A. Wright, *Twentieth Century Impression of British Malaya* London, 1908, h. 8891

⁵² J.A. Richardson, *op cit* h. 93.

⁵³ *Ibid.*, h. 124.

⁵⁴ R.G. Cant, *op. cit.*, h. 15.

di situ diproses di kilang yang terdapat di Raub. Bijih-bijih yang dilombong di Old Raub Hole, pada mulanya di proses di kilang yang terletak berdekatan dengannya. Tetapi selepas seksi ini ditutup, bijih-bijih yang dihasilkan daripada lombong bawah tanah di proses di Kilang Bukit Koman. Selepas tahun 1905, bijih oxidised iaitu bijih yang di hasilkan oleh lombong dedah, diproses di Kilang Huntington yang terletak di Bukit Malacca. Tetapi selepas itu ianya dihantar kepada jentera memproses yang terletak di Bukit Koman. Sejumlah besar emas telah diproses dengan menggunakan sejenis alat memproses bijih yang dinamakan 'battery by amalgamation'. Selepas itu dalam tahun 1906-1909, sebahagian daripada bijih emas diproses oleh jentera memproses yang terkenal dengan nama 'cyanidation' tetapi jentera itu tidak seefesen dan tidak digunakan lagi selepas itu.

Untuk melihat dengan lebih terperinci lagi mengenai syarikat ini, selanjutnya kita akan melihat pengeluarannya pada tahun 1895-1914. Sebelum itu secara pergandingannya diantara tahun 1884-1905, pengeluaran syarikat Penjom dan Sungai Dua Semantan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pengeluaran Syarikat Perlombongan Emas Australia. Tetapi lepas itu, semua lombong-lombong itu telah ditutup kecuali Lombong Kechau dan Syarikat Perlombongan Emas Australia. Pengeluaran syarikat ini pada awal pembukaannya adalah rendah dan meningkat dalam keadaan turun naik. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam jadual I, di bawah ini.

Jadual I.

PENGELUARAN SYARIKAT PERLOMBONGAN EMAS AUSTRALIA RAUB.
1893-1914.

Tahun	Jumlah pengeluaran (aun)
1893-1896	16,564
1897-1900	44,420
1901-1904	38,748
1905-1908	46,072
1909-1912	49,072
1913-1914	26,246

Sumber: Ubah suai dari: J.A. Richardson, *The Geology and Mineral Resources of The Neighbourhood of Raub, Pahang*, h. 89.

Berdasarkan kepada jadual I di atas, pengeluaran yang rendah sekali ialah dalam tahun 1893-1896, yang berjumlah 16,564 aun troy. Pengeluaran yang rendah ini disebabkan pada masa itu syarikat ini terpaksa melatih buruh China, Melayu dan India yang kurang mahir di dalam perusahaan perlombongan yang baru diperkenalkan oleh barat. Selain daripada itu, pada tahun 1892-1896, telah berlaku *Pemberontakan Pahang* yang diketuai oleh Datuk Bahaman. Semasa pemberontakan itu berlaku, kawasan Raub berada didalam kepongangan. Ini menyebabkan kerja-kerja melombong tidak dapat dijalankan dengan lancar. Untuk mengawal kawasan ini beberapa orang askar bangsa Sikh yang dibawa dari Perak telah ditempatkan di situ.⁵⁵

Pengeluaran syarikat yang tertinggi sekali pada peringkat ini ialah dalam tahun 1909-1912 yang berjumlah 49,072 aun troy. Pengeluaran yang tinggi ini disebabkan oleh

⁵⁵ *Pahang Annual Report (P.A.R.) 1938*, Government Press, Kuala Lumpur, 1939, h. 22.

tenaga buruh yang mahir, bekalan tenaga elektrik yang mencukupi dan sebagainya. Berdasarkan kepada angka-angka yang terdapat dalam jadual itu, pengeluaran telah bertambah baik pada tahun 1896 dan tahun-tahun yang selanjutnya.

Perkembangan syarikat ini telah memberi beberapa sumbangan yang penting dari segi eksport, komunikasi, penambahan penduduk dan urbanisasi, di Negeri Pahang. Dalam tahun 1909, emas telah memberi sumbangan yang besar sebagai bahan eksport Pahang. Pengeluaran emas pada tahun itu menduduki tempat yang kedua selepas bijeh timah. Ini menjadikan Pahang sebagai pengeksport emas yang utama jika dibandingkan dengan Negeri Melayu Bersekutu. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam jadual II, di bawah ini.

Jadual II.

EKSPOT PAHANG BERBANDING DENGAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU DALAM TAHUN 1909.

Item	Unit	Nilai eksport	
		Pahang	Lain-lain
Bijeh timah	\$	2,914,034	51,980,920
Emas	\$	510,434	46,490

Sumber: Ubah suai dari, *R.G. Cant, An Historical Geography of Pahang* h. 70.

Berdasarkan jadual di atas adalah jelas menunjukkan bahawa emas merupakan bahan galian yang kedua pentingnya selepas bijeh timah di Pahang. Sebahagian besar daripada emas yang dieksport oleh Negeri Pahang di keluarkan oleh Syarikat Perlombongan Emas Australia Raub, yang berkembang dengan pesatnya pada masa itu.

Perkembangan syarikat ini juga telah mendatangkan perubahan yang pesat dalam bidang komunikasi, urbanisasi dan penambahan penduduk di Raub dan kawasan sekitarnya. Tetapi perubahan yang paling jelas berlaku ialah dalam bidang komunikasi. Dalam tahun 1891, jalan perhubungan yang digunakan ialah jalan denai yang menghubungkan Raub dengan Bentong. Beberapa tahun selepas itu buat kali pertamanya jalan raya dibina bagi menghubungkan Raub dengan Kuala Kubu, Bentong, Penjom dan Kechau. Dan akhirnya jalan perhubungan semakin bertambah panjang lagi dimana dalam tahun 1909, jalan raya telah dibina bagi menghubungkan Raub dengan Kuala Lumpur.

Ekoran daripada kejayaan perlombongan emas dan timah, proses urbanisasi berkembang dengan pesat di Raub. Perkembangan bandar Raub bertambah pesat disebabkan bandar itu menjadi tumpuan buruh-buruh China, Melayu dan India untuk membeli belah dan membuat tempat kediaman di situ. Buruh-buruh juga lebih senang tinggal di bandar itu kerana terdapatnya kemudahan api listrik dan air. Mereka boleh berulang alik dengan senang kerana lombong itu hanya terletak kira-kira dua batu dari Bandar Raub. Ekoran dari perkembangan proses urbanisasi yang pesat ini dilihat secara perbandingan dengan daerah-daerah lain yang terdapat di Pahang, daerah Raub, mempunyai penduduk yang lebih ramai.

Dengan adanya kemudahan jalan raya dan berkembang pesatnya proses urbanisasi di Raub, ianya dianggap seakan-akan terletak di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan bukannya terletak di Negeri Pahang.⁵⁶ Ini terbukti bahawa Daerah Raub lebih maju jika dibandingkan dengan daerah lain yang terdapat di Pahang.

⁵⁶R.G. Cant, *op. cit.*, h. 15.

Kesimpulannya, melihat kepada 'balance sheet' atau penyata akaun syarikat ini telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan sehingga Perang Dunia Pertama. Kamajuan syarikat ini disebabkan oleh beberapa perkara yang penting. Antaranya ialah syarikat ini mempunyai modal yang besar iaitu 200,000 paun sterling. Dengan modalnya, yang besar itu ianya dapat menyediakan kaki tangan yang mahir, mesin-mesin lombong yang baik dan moden dan sebagainya.

Selain dari itu dengan ujudnya kestabilan politik di Pahang, di bawah sistem pentadbiran British, syarikat itu tidak ragu-ragu lagi untuk melaburkan modal yang besar dalam perusahaan perlombongan emas di Raub. Di bawah sistem pentadbiran British, ianya menggalakkan pembinaan jalan raya ditempat-tempat yang maju dari segi perusahaan perlombongan bijih timah dan emas. Dalam hal yang demikian, Daerah Raub mempunyai sistem pengangkutan yang baik dengan terbinanya jalan raya yang menghubungkan daerah itu dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia pada tahun 1909. Dengan terdapatnya sistem perhubungan yang baik ini, impot barang-barang keperluan lombong, kaki tangan lombong dan eksport emas dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Dari segi tenaga buruh pula, pada peringkat awal pembukaan syarikat ini, ianya menghadapi masalah tenaga buruh yang kurang mahir dalam menjalankan kerja-kerja perlombongan. Tetapi beberapa tahun berikutnya ekoran dari latihan dan penerangan yang sistematis yang telah diberikan oleh kakitangan Eropah, buruh-buruh itu dapat menjalankan kerjanya dengan lebih baik lagi jika dibandingkan dengan masa-masa yang lalu. Sebab yang terakhir sekali ialah kejayaan janakuasa Letrik Sempam, yang dapat menghasilkan tenaga elektrik yang banyak dan murah kepada syarikat itu. Dengan bekalan tenaga elektrik yang banyak ini kerja-kerja melombong dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.